



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
BLOK K, ARAS 2
PUSAT BANDAR DAMANSARA
PETI SURAT 12579
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2094 7033
Fax : 03-2095 6523
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : prot@kpkt.gov.my

-SIARAN AKHBAR-

PERKEMBANGAN HARIAN PEMBAKARAN TERBUKA (JEREBU) DI NEGERI SARAWAK

Kuala Lumpur, 14 Ogos 2009 –Masalah jerebu di Sarawak masih berlarutan sehingga 13 Ogos 2009 dimana kawasan yang terlibat dengan pembakaran terbuka masih luas. Dengan keadaan cuaca kering disamping kadar hujan yang kurang telah menyebabkan bertambahnya bilangan kes kebakaran tanah gambut, hutan, belukar dan lalang.

Menurut Menteri di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Yang Berhormat Dato' Seri Kong Cho Ha, keluasan yang masih dipadam setakat ini adalah seluas **9,550.52** ekar dengan lebih kurang **697 orang anggota bomba** serta agensi bantuan. Jumlah keseluruhan kawasan yang terlibat dengan pembakaran terbuka adalah seluas **16,321.9 ekar**.

Beliau memuji kecekapan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak kerana telah berjaya memadam **6,770.87** ekar manakala **9,550.52** ekar masih lagi mengeluarkan asap.

Taburan kawasan yang terlibat adalah seperti berikut:

Kawasan	Keluasan (ekar)	Jumlah dipadam (ekar)	Baki (ekar)	Jumlah anggota
Kuching	2,238.1	2,212.6	25.5	220
Sibu	8,040.06	3,448.71	4,591.35	286
Miri	6,280.1	1,196.73	5,083.73	135
Bintulu	197.8	192.8	5	55

Menurut Kong, punca kebakaran adalah dipercayai sengaja dibakar oleh pekebun dan juga pihak pengurusan ladang kelapa sawit. Apabila kebakaran merebak menyebabkan ianya sukar dikawal sebelum pihak bomba dimaklumkan. Permasalahan yang dihadapi didalam mengawal serta memadamkan api adalah kawasan yang terbakar melibatkan tanah gambut serta *scattered* dan jauh dari laluan jalan raya.

Bagi usaha-usaha pemadaman, beberapa teknik pemadaman telah digunakan, antaranya adalah: (i) Pembanjiran Keseluruhan (Teknik *Total Flooding*), (ii) Perparitan (*Trenching*), (iii) Pensektoran (*Sectorization*), (iv) Pemisahan Kebakaran (*Fire Break*) dan (iv) Pemadaman Terus (*Direct Attack*).

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak telah mengarahkan agar jadual bertugas harian di balai-balai bomba ditukar ke 24 jam shift bagi mempercepatkan proses pemadaman api hutan. Cuti anggota juga telah ditarik balik dan semua permohonan cuti telah dibekukan kecuali cuti kecemasan yang melibatkan kematian anggota keluarga terdekat.

Operasi memadam api hutan di kawasan Miri mendapat bantuan daripada agensi berikut;

1. PDRM (Polis) -20 orang
2. Tentera -10 orang
3. Pasukan Gerakan Am -14 orang
4. Polis Trafik -2 orang (kawal lalu lintas)
5. JPAM -10 orang
6. Pasukan Bomba Petronas -6 orang
7. Pejabat Residen Miri -3 orang
8. Pejabat Tanah & Ukur -4 orang
9. Pejabat Kesihatan -1 orang
10. NREB -3 orang
11. Syarikat Shin Yang -30 orang (pekerja lading sawit)

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Kong Cho Ha. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Di keluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 2 Blok K, Pusat Bandar Damansara, Peti Surat 12579, 50782 Kuala Lumpur. Tel: +60320992321, Faks: +60320956523; Email: pro@kpkt.gov.my; Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim, Ketua Komunikasi Korporat jessy@kpkt.gov.my.